

27/03/1997

Ketibaan Dr M disambut penuh istiadat

TOKYO, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke Jepun, hari ini diberi sambutan penuh istiadat di Istana Tetamu Akasaka di sini.

Lagu kebangsaan Malaysia berkumandang sebaik Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di istana itu, kira-kira jam 9.30 pagi (waktu tempatan).

Dr Mahathir kemudian diiringi rakan sejawatnya dari Jepun, Ryutaro Hashimoto, memeriksa barisan pasukan kehormatan.

Ketibaan Perdana Menteri dan isteri sebelum itu juga disambut kibaran bendera oleh pelajar Malaysia di sini serta kanak-kanak Jepun.

Dr Mahathir kemudian mengunjungi Maharaja Akihito serta Maharani Michiko di Istana Imperial.

Turut hadir ialah Menteri Luar, Datuk Abdullah Badawi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Pengangkutan, Datuk Dr Ling Liong Sik serta Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan dari Pahang, Tan Sri Khalil Yaakob.

Ini adalah lawatan rasmi kedua Dr Mahathir ke Jepun selepas 1983. Beliau tiba di sini, semalam.

Dalam ucapan pada majlis jamuan yang diadakan Hashimoto malam ini, Dr Mahathir menghargai sambutan mesra yang diberikan kepadanya serta isteri dan delegasi dari Malaysia.

(END)